



NOTIS MAKLUMAN

ARAHAN KHAS BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA SECARA SENDIRI OLEH KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH KEPADA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

LPPSA telah dimaklumkan oleh Perbendaharaan Negeri Kedah tentang kegagalan proses potongan gaji secara auto kakitangan Kerajaan Negeri kepada LPPSA bagi bulan Mac 2023. Justeru, menjadi tanggungjawab kakitangan Kerajaan Negeri yang terlibat untuk membuat bayaran balik **secara sendiri** kepada LPPSA **sebelum atau pada 28 Mac 2023**.

Bayaran balik pembiayaan boleh dilaksanakan melalui mana-mana kaedah berikut:

- a) tunai di kaunter Cawangan CIMB seluruh Malaysia, atau;
- b) mesin layan diri CIMB Bank - ATM dan Deposit Tunai, atau;
- c) pindahan atas talian *online* melalui *Instant transfer*.

Tatacara bayaran balik boleh dirujuk di **Lampiran 1** atau pautan <https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/e-bayaran>. Adalah diingatkan, bayaran balik haruslah menggunakan akaun maya *virtual account* (VA) LPPSA.

Bagi mendapatkan nombor akaun maya LPPSA, pelanggan boleh menghubungi:


- a) Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan Negeri
- b) Perbendaharaan Negeri Kedah
- c) Pusat Panggilan LPPSA (03-8880 1600)
- d) LiA Chatbot atau Live Chat (<https://chatbot.lppsa.gov.my/>)
- e) *Whatapps* LPPSA (03-8880 2121)
- f) *Hotline* LPPSA (03-8880 2080)

Sekiranya **tiada bayaran diterima selepas 28 Mac 2023**, LPPSA berhak mengeluarkan Arahan Potongan Gaji Berganda pada bulan berikutnya. Tindakan undang-undang juga akan diambil kepada pelanggan dengan merujuk kepada perjanjian pembiayaan yang ditandatangani sekiranya tiada bayaran diterima melalui Arahan Potongan Gaji Berganda tersebut.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi talian hotline LPPSA di 03-8880 2080 (aktif sehingga 31 Mac 2023 sahaja).

23 MAC 2023

CARTA ALIR BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA






BAGAIMANA CARA UNTUK MENDAPATKAN AKAUN MAYA LPPSA

- 🪙 Ketua Jabatan/Perbendaharaan Negeri
- 🪙 Aplikasi MyFinancing (Muat Turun melalui IOS AppStore & Google PlayStore)
- 🪙 Portal JAccess (<https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>)
- 🪙 Pusat Panggilan LPPSA (03-8880 1600)
- 🪙 LiA Chatbot & Live Chat (<https://chatbot.lppsa.gov.my/>)
- 🪙 Whatsapp (03-8880 2121)
- 🪙 Hotline LPPSA (03-8880 2080)





98655001234567

CONTOH AKAUN MAYA

Ahmad mempunyai pembiayaan perumahan dengan LPPSA. Nombor Akaun Pembiayaan beliau sekarang adalah 655001234567. Nombor Akaun Maya beliau adalah **98**655001234567 iaitu tambahan angka '**98**' di hadapan Nombor Akaun Pembiayaan sedia ada.

Nombor Akaun Pembiayaan Sedia Ada (Lain-lain urusan) *Nombor ini kekal dan tidak berubah	Nombor Akaun Maya (Kegunaan urusan pembayaran secara sendiri sahaja)
CONTOH 655001234567	CONTOH 98 655001234567





3 SALURAN BAYARAN BALIK SECARA TERUS KE LPPSA

**Nombor Akaun Maya tidak melibatkan pembayaran balik pembiayaan melalui potongan gaji atau pencen.*

BERIKUT SALURAN YANG DISEDIAKAN BAGI MEMUDAHKAN PELANGGAN MEMBUAT BAYARAN BALIK SECARA TERUS KE LPPSA



**PEMBAYARAN DI KAUNTER
CAWANGAN CIMB BANK**



**PEMBAYARAN ATAS TALIAN
(ONLINE TRANSFER)**



SELF-SERVICE TERMINAL



www.lppsa.gov.my



03-8880 1600



OfficialPageLPPSA



youtube.com/LPPSA



KAUNTER CAWANGAN CIMB BANK

**Pembayaran di Kaunter Cawangan CIMB Bank
seluruh MALAYSIA. Pelanggan hanya perlu
menyatakan nombor Akaun Maya (*Virtual Account*)
kepada pegawai kaunter CIMB Bank sebelum
membuat bayaran.**



www.lppsa.gov.my



03-8880 1600



OfficialPageLPPSA



youtube.com/LPPSA





PEMBAYARAN ATAS TALIAN (ONLINE TRANSFER)

- **Instant Bank Fund Transfer (IBFT)**
- **Interbank GIRO (IBG)**

**Sila rujuk manual pengguna Pindahan Wang Segera (Instant Fund Transfer)
di <https://myfinancing.lppsa.gov.my/my/e-bayaran>*



www.lppsa.gov.my



03-8880 1600



OfficialPageLPPSA



youtube.com/LPPSA



PEMBAYARAN DI 'SELF-SERVICE TERMINAL'



ATM machine



Cash Deposit Machine (CDM) CIMB sahaja

Pembayaran melalui terminal layan diri perlulah
menggunakan Akaun Maya (*Virtual Account*)



www.lppsa.gov.my



03-8880 1600




OfficialPageLPPSA



youtube.com/LPPSA

MANUAL PENGGUNA

Pindahan Wang Segera
(*Instant Fund Transfer*) Dari Bank
Lain Ke Akaun LPPSA (CIMB Bank)

BIL	PAPARAN	KETERANGAN
1.		Sila daftar masuk (<i>log in</i>) perbankan internet pilihan anda. *Nota : Sila ambil maklum bahawa paparan Instant Interbank Fund Transfer adalah berbeza mengikut perbankan internet yang dipilih.
2.		Sila pilih Transfer di bahagian Menu dan isi maklumat yang dikehendaki seperti: 1. Bank Penerima: CIMB Bank Berhad 2. Jenis Akaun: Current Account 3. Nombor Akaun Penerima: Masukkan Nombor Akaun Maya Pelanggan (<i>Virtual Account</i>) Contoh: 9865XXXXXXXXXX Masukkan digit 98 < nombor akaun pembiayaan perumahan yang sedia ada (12 digit) > 4. Nama Penerima: Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 5. Mod Transaksi: Instant Transfer/DuitNow 6. Amaun Bayaran 7. Rujukan Penerima: Nombor Kad Pengenalan Baru/Awam Pelanggan SILA SEMAK DAN PASTIKAN MAKLUMAT PELANGGAN ADALAH BETUL DAN TEPAT SEBELUM KLIK BUTANG "TRANSFER" Dapatkan nombor TAC (contoh <i>Secure Verification, Secure TAC, SMS TAC</i>). Klik butang Confirm. Status bayaran telah berjaya akan dipaparkan. Cetak dan simpan paparan tersebut sebagai bukti bayaran dan rujukan di masa hadapan. Mohon emelkan bukti pembayaran tersebut kepada eftmaklum@lppsa.gov.my bagi tujuan pengesahan dan pengemaskinian akaun.